

Bank perlu ada pelan penggantian bakat

» Peletakan jawatan tertinggi dibimbangi pemain pasaran



RITA BENOY BUSHON

Peletakan jawatan dan pergerakan yang berlaku bagi jawatan tertinggi dalam sektor perbankan sejak kebelakangan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pemain pasaran kerana sektor ini adalah penting.

Di tambah pula, apabila ia berdepan dengan isu seperti kesukaran mencari pengganti dalam barisan kepimpinan teratas, timbulnya persoalan mengenai masalah bakat terhad dalam sektor berkenaan.

Jika benar, bagaimanakah ia dapat ditangani dengan segera supaya ia tidak merugikan pe-

megang saham?

Kami berpandangan bahawa untuk menangani **isu** ini, semua institusi perbankan yang tersenarai perlu mempunyai pelan penggantian yang jelas dan kumpulan bakat diperluaskan dengan mengambil kira aspek kepelbagaian dan inklusif kerana aspek ini adalah mengenai tadbir urus korporat yang baik.

Lebih telus

Kami juga ingin mengetengahkan pelbagai peraturan baru penyelaranaan yang diperkenalkan oleh Bursa Saham Singapura (SGX) bagi menggalakkan lebih ketelusan dalam mesyuarat agung syarikat akan disambut baik oleh pemegang saham terutama pelabur institusi dan pelabur asing.

Peraturan baru itu termasuk

mengundi secara 'poll' bagi semua resolusi dan penzahiran butir-butir keputusan pengundian secara telus menepati ciri tadbir urus korporat ASEAN.

Bagaimanapun, suara pemegang saham runcit minoriti adalah penting dan tidak boleh diabaikan. Ini adalah sekiranya ada satu pemegang saham majoriti utama yang menyokong resolusi korporat yang menyebelahi majoriti ia boleh mengetepikan hak minoriti sekalipun banyak dari segi bilangan. Lebih-lebih lagi di negara ASEAN, struktur pegangan saham adalah berkonsentrasi tinggi.

Aspek perlindungan pelabur

Dalam hal ini, kami percaya resolusi substantif adalah lebih baik sekiranya kelulusan tambahan dari segi bilangan juga diambil kira bagi mewujudkan medan permainan yang sama rata yang juga adalah satu aspek perlindungan pelabur.

Kelulusan yang juga berunsurkan bilangan akan membolehkan pelabur runcit menyuarakan pandangan mereka, seterusnya lebih telus dan membuka ruang untuk mendapatkan harga atau

transaksi yang lebih baik untuk semua pihak.

Akhir sekali, kegagalan Astro di Mahkamah Indonesia untuk menguatkuasakan timbang tara yang dianugerahkan adalah satu pengajaran.

Ia mengingatkan kami kepada satu kes lain yang membabitkan anak syarikat Malaysia Smelting Corp Bhd, yang mana permohonan mereka untuk menyambung tempoh permit bagi kali kedua selama 10 tahun hingga 2023 untuk mengendalikan sebuah lombong ditolak oleh pihak berkuasa Indonesia.

Dalam hal ini, syarikat tersenarai yang ingin menerokai pasaran baru di mana ada banyak ketidakpastian dalam pelbagai aspek perlu mengambil kira risiko premium sebelum membuat keputusan, terutama di pasaran baru yang belum diterokai.

Namun, ganjarannya juga agak lumayan sekiranya usaha itu berhasil.



Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)